



Buletin EKSA

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur & Putrajaya



EDISI 5/2019

KURSUS AMALAN EKSA DIY PERINGKAT JABATAN KESIHATAN NEGERI, KKM 2019

Bahagian Pengurusan Latihan, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan Kursus Amalan EKSA DIY Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, KKM pada 17 Oktober 2019 bertempat di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kursus ini telah dihadiri oleh wakil-wakil penyelaras dan juruaudit EKSA di setiap Jabatan Kesihatan Negeri. Antara pengisian kursus adalah Taklimat Pemantapan Amalan EKSA dan Etika Juruaudit, Taklimat Tatacara Pengauditan EKSA. Lawatan dan Latihan Amali Pengauditan turut dijalankan setelah sesi taklimat selesai.



BULETIN

MESYUARAT JAWATAN KUASA INDUK AMALAN EKSA JKWPKL&P 1/2019



Pada 21 Oktober 2019, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Amalan EKSA JKWPKL&P 1/2019. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dr. Param Jeeth Singh A/L Param Singh, Pengarah Kesihatan Negeri membincangkan Pelaksanaan dan Perancangan Jawatan kuasa dan juga persiapan menghadapi audit EKSA oleh Ibu Pejabat KKM. Dr. Nurul Iman binti Mohd Noor, AJK Induk Audit turut membentangkan hasil penemuan audit yang telah dijalankan sepanjang bulan Julai sehingga September. Beliau turut memaklumkan perkara-perkara baru yang telah dipelajari semasa Kursus Amalan EKSA DIY Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 17 Oktober 2019 yang lalu. Tuan Pengerusi turut menyampaikan amanah agar hasil dapatan audit yang lalu diambil tindakan segera bagi memastikan semua fasiliti bersedia sepenuhnya untuk audit EKSA dan seterusnya memastikan amalan EKSA ini dapat dijalankan dan diamalkan dengan jayanya.

TIPS AMALAN 3R

REDUCE (KURANGKAN)



Beli produk isian semula



Gunakan kain tuala bagi menggantikan kertas tisu



Beli barangan yang kurang bungkusan



Gunakan kedua-dua muka kertas semasa menulis / membuat salinan



Gunakan e-mel untuk menghantar surat / dokumen

REUSE (GUNA SEMULA)



Bawa beg yang boleh diguna semula semasa membeli barang



Bawa bekas makanan sendiri semasa membeli makanan



Gunakan kotak serbaguna untuk menyimpan barang-barang



Guna semula bekas minuman sebagai hiasan atau bekas pensil

RECYCLE (KITAR SEMULA)



Mengitar semula 8 botol plastik boleh menghasilkan sehelai jersi



Kertas suratkhbar boleh dijadikan pelbagai jenis kraftangan yang menarik